

# Perluaskan aktiviti untuk golongan mualaf

Sinarharian  
16/8/12

**BATUPAHAT** – Unit Ukhuwah Bahagian Dakwah Jabatan Agama Johor (JAJ) disaran memperluaskan aktiviti dan program untuk golongan mualaf yang boleh membantu meningkatkan ekonomi mereka.

Pengarahnya, Datuk Abdul Razak Hassan berkata, kursus kemahiran seperti membuat kek dan jahitan contohnya boleh dilaksanakan dan diyakini dapat membantu menyelesaikan masalah kesempitan hidup dihadapi segelintir golongan berkenaan.

Menurutnya, sebelum ini, kursus dan bimbingan yang diberi kepada kumpulan itu lebih ber-

tumpu kepada membantu mereka memahami dan menghayati Islam dengan lebih jelas, termasuk membaca al-Quran dengan lancar.

“Sebagai saudara baru, usaha membantu mereka memahami dan menghayati Islam dengan lebih mendalam sentiasa mendapat bantuan daripada beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

“Antara NGO yang perlu lebih peka serta mencari pendekatan terbaik bagi membantu golongan ini ialah Badan Kebajikan Saudara Kita (BKSK), Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (Perkim) dan Persatuan Cina Muslim Malaysia (Macma).

“Alhamdulillah, setakat ini semangat ditunjukkan saudara kita dalam memahami Islam, semakin ketara, hingga ada di antara mereka mampu menguasai bacaan al-Quran dengan baik,” katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Iftar Ramadan Saudara Kita Peringkat Negeri Johor 2012 di Masjid Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Parit Raja, di sini, petang kelmarin.

Hadir sama dan turut menyampaikan sumbangan pada majlis tersebut, Pengarah Pusat Islam UTHM, Syed Dawilah Syed Abdullah serta Timbalan Pengarah (Operasi) JAJ, Ramly Jusoh.



**Antara saudara baru yang menerima bantuan wang zakat fitrah saudara baru seluruh Johor.**